

5 tahun lagi, 30% lembaga pengarah mesti wanita
Malaysiakini.com
June 27, 2011

Dalam tempoh lima tahun akan datang, sekurang-kurang 30 peratus ahli lembaga pengarah syarikat mestilah dilantik dari kalangan wanita.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Kabinet telah meluluskan dasar ini dalam mesyuaratnya minggu lalu.

Katanya, kerajaan mengakui bahawa wanita adalah penting untuk pembangunan dan kesejahteraan negara.

Di samping itu, tambahnya, lebih ramai wanita perlu diberi peluang untuk mengambil bahagian di peringkat membuat keputusan.

Bercakap kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini, Najib berkata dasar tersebut merupakan pemangkin kepada tindakan afirmatif untuk mencapai kesaksamaan gender dalam sektor korporat."

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/168127>